

BAB EMPAT:

ANALISIS DATA DAN LAPORAN PENYELIDIKAN

4.1) PENDAHULUAN

Dalam bab ini, penulis cuba membuat analisa terhadap data-data yang telah diperolehi. Penganalisaan ini dilakukan dengan menggunakan carta pai. Perkara-perkara yang menjadi fokus kepada penulis ialah pelajar, pensyarah, metodologi pengajian, sukanan pelajaran serta teks-teks pengajian yang digunakan.

Analisis data berkaitan pelajar menyentuh beberapa perkara penting. Ia termasuklah latar belakang pelajar, penguasaan kursus di kalangan mereka, penglibatan pelajar di dalam kelas dan kemampuan pelajar menguasai Bahasa Arab.

Seterusnya, penulis menganalisa pula beberapa perkara tentang tenaga pengajar bagi program Diploma Pengajian Islam (DPI) Syariah KUSZA. Penganalisaan dibuat terhadap data-data yang berkaitan dengan kelulusan akademik mereka, pengalaman mengajar dan juga penggunaan Bahasa Arab ketika mereka menyampaikan pengajian.

Dalam bahagian ketiga pula, penulis cuba membuat penilaian terhadap metodologi pengajian bagi kursus ini. Di antara perkara-perkara yang dianalisa ialah kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kesesuaian metodologi yang sedang diaplikasikan serta keberkesanannya.

Bahagian keempat menyentuh tentang sukanan pelajaran bagi program ini. Penganalisaan bagi bahagian ini dibuat dengan cara menghuraikan kesesuaian setiap

kursus yang ditawarkan. Kursus-kursus ini boleh dipecahkan kepada tiga bahagian; Kursus Kolej, Kursus Sekolah dan Kursus Program.

Dalam bahagian terakhir pula, penulis menganalisa kesesuaian teks-teks pengajian yang digunakan oleh para pensyarah. Penilaian terhadap teks-teks pengajian ini sangat penting dilakukan kerana penggunaan teks-teks yang berkualiti akan mempengaruhi tahap kecemerlangan pelajar.


4.2) PENILAIAN TERHADAP PELAJAR

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis telah melakukan soalselidik kepada 65 orang para pelajar DPI (Syariah) KUSZA. Soalselidik ini bertujuan untuk mendapatkan beberapa maklumat penting, termasuklah berkenaan dengan pelajar. Penulis berpendapat penilaian ini sangat penting kerana tanpa menilai para pelajar, sudah pasti kita tidak boleh menilai keberkesanan metodologi pengajian Syariah di institusi pengajian ini.

4.2.1) Latarbelakang Pelajar

a) Jantina

Rajah 4.1: Peratusan Pelajar Mengikut Jantina




Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003

Carta di atas menunjukkan peratusan pelajar dari segi jantina. Daripada 65 orang pelajar yang terlibat, seramai 52 orang ataupun sebanyak 80% merupakan pelajar perempuan, manakala bakinya iaitu 13 orang atau 20% adalah pelajar lelaki. Carta di atas jelas menunjukkan peratusan pelajar perempuan yang terlibat adalah lebih besar berbanding dengan pelajar lelaki. Ini kerana jumlah pelajar perempuan yang mengambil jurusan pengajian Ialam, khususnya pengajian Syariah memang lebih ramai berbanding pelajar lelaki.

b) Negeri Asal Pelajar

Rajah 4.2 : Peratusan Pelajar Mengikut Negeri Asal




Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003

Carta pai yang kedua pula menunjukkan peratusan pelajar dari segi negeri asal mereka. Kebanyakan pelajar adalah rakyat Negeri Terengganu Darul Iman, iaitu seramai 35 orang atau 58%. Walau bagaimanapun, KUSZA tidak mengamalkan dasar tertutup kepada rakyat negeri-negeri lain. Hasil soal selidik yang dijalankan, didapati tujuh orang daripada mereka berasal dari Negeri Kedah dan peratusannya ialah 11%. Empat orang pelajar, iaitu 6% pula merupakan pelajar Negeri Kelantan dan Perak. Bagi Negeri Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur, masing-masing mencatatkan sebanyak 5%, iaitu seramai tiga orang pelajar. Bakinya sebanyak 1% atau enam orang pelajar berasal dari Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Negeri Sembilan. Dalam carta pai di atas, penulis telah mengategorikan mereka sebagai ‘Lain-lain’.

c) Pencapaian SPM Para Pelajar

Rajah 4.3: Peratusan Pelajar Dari Segi Pencapaian SPM




Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003

Carta pai di atas menunjukkan peratusan pelajar mengikut tahap pencapaian mereka di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini, pihak KUSZA menilai pencapaian SPM seseorang calon sebelum mereka diterima masuk ke kolej ini. Hasil kajian ini, didapati seramai enam orang pelajar mendapat keputusan SPM yang sangat cemerlang, iaitu di antara 6-12 Agregat. Peratusan bagi kategori ini ialah sebanyak 9%. Kumpulan yang kedua iaitu di antara 13-18 Agregat, bilangannya mencatatkan 38 orang atau sebanyak 59%.

Manakala bagi kategori yang ketiga, iaitu di antara 19-24 Agregat, bilangan pelajar ialah seramai lapan orang. Peratusan bagi bilangan ini ialah 12%. Kumpulan yang terakhir merupakan mereka yang tidak menyatakan keputusan SPM. Bilangan yang dicatatkan ialah seramai 10 orang, iaitu 15%. Ini menunjukkan pelajar yang diterima masuk ke kursus Diploma Pengajian Islam (Syariah) bukan sahaja terdiri daripada mereka yang tidak layak memasuki universiti, tetapi terdapat juga mereka yang layak memasuki universiti.

e) Pilihan Kerjaya

Rajah 4.4 : Peratusan Pelajar Mengikut Pilihan Kerjaya




Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003

Carta pai di atas bertujuan untuk menilai kecenderungan pelajar di dalam memilih kerjaya mereka. Kerjaya yang paling diminati oleh pelajar ialah guru. Seramai 24 orang pelajar atau 37% memilih profesion ini. Kerjaya yang menjadi pilihan kedua para pelajar ialah pensyarah. Peratusan pelajar yang meminati bidang ini ialah 23% atau seramai 15 orang. Bilangan pelajar yang ingin menjadi pendakwah dan peguam adalah sama, iaitu seramai dua orang atau 3%. Seramai 13 orang pelajar lebih meminati bidang lain. Ini termasuklah sebagai peniaga dan petani moden. Peratusan mereka bagi kategori ini ialah 20%. Walau bagaimanapun, ramai juga pelajar yang tidak menyatakan pilihan kerjaya mereka. Keadaan ini mungkin

disebabkan mereka belum pasti untuk memilih kerjaya mereka. Bilangan pelajar dalam kategori ini ialah seramai 9 orang, iaitu 14%. Kesimpulan yang boleh dibuat daripada carta pai di atas ialah kebanyakan pelajar lebih cenderung kepada bidang pendidikan. Namun, ada di antara mereka yang mula membuka mata untuk terlibat dalam dunia perniagaan dan pertanian walaupun mengambil jurusan pengajian Islam.

f) Kawasan Kediaman Pelajar

Rajah 4.5 : Peratusan pelajar Yang Berasal Dari Bandar Dan Kampung



Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003


Gambarajah di atas menjelaskan peratusan pelajar dari segi kawasan asal mereka, samada daripada bandar atau kampung. Golongan majoriti ialah pelajar yang

berasal daripada kampung. Jumlah mereka yang seramai 54 orang telah menjadikan peratusan mereka sebanyak 83%. Manakala golongan minoriti adalah mereka yang berasal daripada bandar. Seramai 11 orang sahaja berasal dari bandar. Ini menjadikan peratusan mereka ialah sebanyak 17%.

4.2.2) Pencapaian Akademik Pelajar

a) CGPA/ GHP (Gred Himpunan Purata) Pelajar Sekarang

Rajah 4.6: Peratusan Pelajar Dari Segi Pencapaian CGPA




Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003

Gambarajah di atas menunjukkan peratus pelajar mengikut pencapaian GHP setakat semester 5. Daripada keseluruhan pelajar yang terlibat dengan kajian ini, hanya tiga orang pelajar, iaitu 12% mendapat keputusan yang sangat cemerlang dan

direkodkan nama mereka ke dalam senarai dekan. Nilai GHP yang melayakkan mereka untuk disenaraikan di dalam Senarai Dekan ialah 3.51-4.00. Seramai 21 orang atau 32% mendapat keputusan di antara 3.01-3.5. Sebanyak 26% atau 17 orang daripada 65 orang pelajar pula memperolehi GHP di antara 2.51-3.00. Kumpulan ketiga pula merupakan mereka yang mendapat keputusan di antara 2.00-2.50. Bilangan mereka ialah seramai lapan orang, iaitu 12%. Daripada keseluruhan pelajar, terdapat 16 orang pelajar yang enggan menyatakan GHP mereka. Jumlah ini telah menjadikan peratusan mereka sebanyak 25%.

d) **Penguasaan Kursus di Kalangan Pelajar**

Rajah 4.7 : Peratusan Pensyarah Mengikut Pandangan Mereka Terhadap Penguasaan Kursus Di Kalangan Pelajar




Sumber : Soalselidik Para Pensyarah Syariah , KUSZA 2002/2003

Rajah di atas menunjukkan peratusan bagi penguasaan kursus secara keseluruhan di kalangan para pelajar Syariah di KUSZA. Peratusan ini diperolehi hasil daripada soalselidik yang telah dijalankan kepada semua pensyarah mereka. Seramai tiga daripada 15 orang pensyarah, atau 20% berpendapat bahawa tahap penguasaan pelajar amat baik. 67% pula mengatakan baik, manakala selebihnya iaitu seramai dua orang mengatakan sederhana. Daripada jumlah ini, didapati kebanyakan pensyarah berpuashati dengan penguasaan ilmu di kalangan para pelajar.

4.2.3) Kemampuan Pelajar Menguasai Bahasa Arab

Rajah 4.8 : Peratusan Pensyarah Mengikut Pandangan Mereka Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar




Sumber : Soalselidik Para Pensyarah Syariah , KUSZA 2002/2003

Carta di atas menjelaskan tentang peratusan para pelajar dari segi penguasaan Bahasa Arab di kalangan mereka. Hasil daripada soalselidik ini, didapati kebanyakan pelajar berada di tahap yang sederhana. Seramai 10 orang pensyarah telah

menyatakan bahawa penguasaan Bahasa Arab para pelajar ini sebagai sederhana. Jumlah ini mewakili sebanyak 67% daripada keseluruhan jumlah pelajar. Sebanyak 13% pensyarah pula berpendapat bahawa tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar berada di tahap yang baik. Manakala bakinya sebanyak 20% atau seramai 3 orang pensyarah mengakui bahawa penguasaan para pelajar adalah lemah.

4.2.4) Penglibatan Pelajar Di Dalam Kelas

Rajah 4.9 : Peratusan Pensyarah Mengikut Pandangan Mereka Terhadap Penglibatan Pelajar Di Dalam Kelas



Sumber : Soalselidik Para Pensyarah Syariah, KUSZA 2002/2003

Rajah yang dipaparkan di atas menerangkan tentang peratusan pelajar dari segi tahap penglibatan mereka di dalam kelas. Bagi mendapatkan peratusan ini,

penulis telah meminta semua pensyarah untuk memberikan penilaian mereka terhadap penglibatan pelajar. Ini kerana sebagai golongan yang setiap hari berhadapan dengan para pelajar ini, tentulah mereka dapat memberikan penilaian yang sebenar. Kebanyakan pensyarah mengatakan bahawa tahap penglibatan pelajar di dalam bilik kuliyyah adalah berada di tahap yang memuaskan. Ini termasuklah seperti mengajukan soalan kepada pensyarah atau mengemukakan pandangan mereka.

Seramai lapan orang pensyarah atau 53% memberikan penilaian yang sama. 33% atau lima orang daripada mereka pula mengatakan sederhana sahaja. Manakala 7%, iaitu seorang sahaja merasa sangat berpuashati dengan penglibatan pelajar. Soalselidik ini juga mendapati seorang daripada mereka berpendapat tahap penglibatan pelajar adalah tidak memuaskan.

Berdasarkan kepada pemerhatian penulis terhadap penglibatan pelajar di dalam kelas, didapati hanya sebilangan kecil pelajar yang melibatkan diri¹. Walaupun pensyarah sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk mengajukan soalan atau mengemukakan pandangan, tetapi tidak ramai pelajar yang ingin bersuara. Penulis berpendapat keadaan ini bukan hanya berlaku di KUSZA, tetapi ia turut menjadi budaya di institusi-institusi pengajian yang lain.

¹ Hasil pemerhatian di dalam bilik kuliyyah pada 2 Mac 2003.


4.3) PENILAIAN TERHADAP PENSYARAH

Kejayaan sesuatu pengajaran turut bergantung kepada pensyarah. Seorang pensyarah yang mempunyai ilmu yang banyak dan bijak menyampaikannya kepada para pelajar sudah pasti dapat melahirkan graduan yang berkualiti. Dalam hal ini, seorang professor telah merumuskan bahawa terdapat dua golongan pensyarah. Golongan yang pertama berpendapat bahawa tugas pensyarah hanyalah memberi pengetahuan kepada para pelajar tanpa perlu diambilkira samada pelajar-pelajar memahami atau sebaliknya. Golongan kedua pula lebih mengambilkira bagaimana untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Golongan ini sentiasa berusaha untuk memahami masalah yang dihadapi oleh para pelajar². Menyedari hakikat ini, maka penulis berpendapat amat perlu dibuat penganalisaan kepada pensyarah. Ini termasuklah penilaian dari segi kelayakan mereka dan juga penggunaan Bahasa Arab ketika menyampaikan pengajaran.

² Atan Long (1984), *Pendidik dan Pendidikan (Siri Pendidikan Fajar Bakti)*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, h. 44.

4.3.1) Kelulusan Akademik Pensyarah

Rajah 4.10 : Peratusan Pensyarah Mengikut Tahap Kelulusan Akademik




Sumber : Soalselidik Para Pensyarah Syariah , KUSZA 2002/2003

Carta pai di atas menunjukkan peratus pensyarah dari segi kelulusan akademik. Penulis telah membahagikan tahap kelulusan kepada tiga kategori, iaitu peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Daripada 15 orang pensyarah Diploma Pengajian Islam (Syariah), didapati seramai 5 orang, iaitu 33% hanya berkelulusan Ijazah Sarjana Muda. Di peringkat Ijazah Sarjana, ia menunjukkan bilangan sebanyak 53% atau 8 orang. Manakala di peringkat tertinggi iaitu Ijazah Doktor Falsafah, hanya dua orang pensyarah atau 13% yang berkelulusan sehingga ke peringkat ini.

4.3.2) Penggunaan Bahasa Arab Oleh Pensyarah Ketika Mengajar

Rajah 4.11 : Peratusan Pensyarah Mengikut Tahap Penggunaan Bahasa Arab Ketika Mengajar



Sumber : Soalselidik Para Pensyarah Syariah, KUSZA 2002/2003

Rajah di atas menunjukkan peratus pensyarah yang menggunakan Bahasa Arab ketika mengajar. Mereka dibahagikan kepada lima golongan, iaitu pensyarah yang menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya, Bahasa Melayu sepenuhnya, lebih banyak menggunakan Bahasa Arab, lebih banyak menggunakan Bahasa Melayu dan menggunakan 50% Bahasa Arab dan 50% Bahasa Melayu. Hasil kajian ini, didapati 66% daripada mereka lebih banyak menggunakan Bahasa Arab. Ini diikuti dengan 20% yang menggunakan 50% Bahasa Arab dan 50% Bahasa Melayu. Peratus yang menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya dan lebih banyak Bahasa Melayu, masing-

masing mencatatkan 7%. Manakala bagi penggunaan Bahasa Melayu sepenuhnya, tiada seorang pensyarah yang mengamalkannya ketika mengajar.

4.4) PENILAIAN TERHADAP METODE PENGAJIAN

Dalam bahagian ini, penulis cuba menilai metode yang digunakan oleh pensyarah di dalam menyampaikan pengajaran mereka. Bahagian ini merupakan bahagian yang sangat penting untuk mendapatkan jawapan kepada permasalahan kajian ini.

4.4.1) Kaedah-kaedah Pengajaran Yang Digunakan

Jadual 4.1 : Peratusan Pensyarah Berdasarkan Penggunaan Kaedah-kaedah Pengajaran

KAEDAH PENGAJARAN	NISBAH KEPADA KESELURUHAN PENSYARAH	PERATUS PENSYARAH
1)SYARAHAN	15:15	100%
2)SOALJAWAB	14:15	93%
3)PERBINCANGAN	13:15	87%
4)HAFALAN	3:15	60%
5)PERDEBATAN	3:15	20%
6)ALATBANTU MENGAJAR (ABM)	3:15	20%
7)LAWATAN	1:15	7%

Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003

Jadual di atas menjelaskan tentang penggunaan beberapa kaedah pengajaran di kalangan para pensyarah DPI (Syariah) KUSZA. Hasil daripada soalselidik yang telah dijalankan, didapati bahawa kesemua pensyarah menggunakan kaedah syarahan. Kaedah yang turut popular di kalangan mereka ialah soaljawab. Seramai 14 orang atau 93% biasa menggunakan kaedah ini. Seterusnya, pensyarah-pensyarah ini juga menggunakan kaedah perbincangan. Seramai 13 orang, iaitu 87% daripada mereka mengaplikasikan cara ini. Bagi kaedah hafalan, didapati 60% daripada keseluruhan pensyarah telah menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka.

Bagi kaedah perdebatan dan penggunaan ABM, masing-masing mencatatkan peratusan yang sama, iaitu sebanyak 20%, atau seramai tiga orang pensyarah sahaja. Daripada senarai di atas, penulis mendapati kaedah lawatan paling jarang digunakan oleh para pensyarah di Sekolah Pengajian Islam Islam (Syariah) KUSZA. Hanya seorang pensyarah yang pernah menggunakan kaedah ini (7%). Penulis berpendapat bahawa para pensyarah sepatutnya sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran agar ia bersesuaian dengan objektif pengajian.

4.4.2) Kesesuaian Metode Yang Sedang diAplikasikan


a) Pandangan Pensyarah

Dalam kajian ini, penulis telah menemuramah tiga orang pensyarah Syariah KUSZA. Hasil daripada temuramah tersebut, penulis mendapati kesemua mereka berpuashati dengan metode pengajian Syariah yang sedang digunakan di KUSZA. Mereka juga berpendapat kepelbagaian kaedah yang

digunakan ketika proses pengajian merupakan satu perkembangan yang amat baik.³

b) Pandangan Pelajar

Rajah 4.12: Peratusan Pelajar Berdasarkan Pandangan Mereka Terhadap Metode Pengajian



Sumber : Soalselidik Para Pelajar Syariah Tahun III, KUSZA 2002/2003

Carta pai di atas menerangkan tentang pandangan pelajar Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA terhadap metode pengajian yang sedang diaplikasikan di kolej ini. Hasil penganalisaan yang telah penulis lakukan, didapati 68% daripada mereka (44 orang) berpuas hati dengan metode tersebut. Manakala sebanyak 25% atau 16 orang mengatakan mereka kurang berpuas hati. Lima orang daripada mereka atau 7% pula tidak berpuas hati dengan metode pengajian sekarang. Ini menunjukkan

³ Hasil temuramah dengan Ustaz Kamarudin Awang (6 Ogos 2002), Ustaz Abdul Halim Bin Awang (29 Disember 2002) dan Ustazah Syarifah Nurulmadiyah Binti Syed Hussein (29 Disember 2002).

menunjukkan terdapat sebilangan pelajar yang merasakan perlunya dilakukan perubahan kepada corak serta kaedah pengajaran para pensyarah.

4.5) PENILAIAN TERHADAP SUKATAN PELAJARAN

Sukatan pelajaran ataupun silibus merupakan salah satu elemen penting yang menentukan kecemerlangan para pelajar. Dengan adanya sukanan pelajaran yang sesuai, matlamat pengajian akan mudah tercapai. Atas dasar inilah, penulis cuba untuk menjalankan penilaian terhadap sukanan pelajaran yang telah ditetapkan kepada para pelajar Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA.

Sukanan pelajaran di KUSZA ditetapkan oleh Jawatankuasa Akademik KUSZA dengan perbincangan bersama Penyelaras Program. Penetapan ini dibuat berdasarkan syarat-syarat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.⁴ Hasil perbincangan bersama ini, satu format sukanan pelajaran telah diperkenalkan pada sessi Mei 1996. Format ini membahagikan setiap kursus pengajian di KUSZA kepada tiga bahagian iaitu Kursus Kolej, Kursus Sekolah dan juga Kursus Program.

⁴ Hasil temuramah penulis dengan Ustaz Kamarudin Bin Awang Mat (Penyelaras Program Syariah KUSZA), 6 Ogos 2002 pada pukul 10.30 pagi di Pejabat.

4.5.1) Kursus Kolej

Kursus ini berjumlah 26 jam kredit. Ia diperkenalkan kepada pelajar bertujuan menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pendidikan yang bersepada. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- 1) Kenegaraan Malaysia
- 2) Pengantar Sains Sosial
- 3) Ko-kurikulum
- 4) Bahasa Inggeris (Foundation I, Foundation II dan ESP)
- 5) Aqidah I
- 6) Akhlak
- 7) Nahu & Saraf I
- 8) Al-Quran (Tajwid dan Tahfiz)⁵

Daripada senarai matapelajaran di atas, didapati pihak KUSZA berjaya menyediakan matapelajaran yang bukan sahaja memberi pengetahuan agama kepada para pelajar, tetapi dapat memupuk rasa kecintaan terhadap negara dan masyarakat. Selain itu, para pelajar turut diwajibkan melibatkan diri dalam bidang ko-kurikulum. Langkah KUSZA mewajibkan matapelajaran-matapelajaran seperti ini amatlah wajar kerana tanpa memahami ilmu-ilmu lain seperti ilmu kemasyarakatan dan sains teknologi, graduan pengajian Syariah akan menghadapi masalah dalam memahami isu-isu semasa. Malah, kesedaran tentang pentingnya ilmu-ilmu lain sebenarnya telah lama bercambah di sanubari ulama'-ulama' Islam. Sebagai buktinya, al-Imam al-

⁵ Prospektus Pengajian Diploma Pengajian Islam (2002). h.52.

Shawkani (meninggal pada 1795 M), telah menyatakan dalam kitabnya Adat al-Talabi:

"Bagi orang yang mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu Syariah mereka perlu juga mempelajari pelbagai ilmu yang lain sebagai pengetahuan asas. Dengan demikian, ia kan dapat menajam dan menyinarkan lagi pemikiran mereka. Penguasaan ilmu-ilmu pengetahuan itu malah akan dapat menggembirakan hati dan menjernihkan pemikiran".⁶

Pendedahan tentang Bahasa Inggeris turut dilakukan oleh pihak KUSZA. Memandangkan banyak juga buku-buku pengetahuan Islam kontemporari yang ditulis dalam Bahasa Inggeris, maka penguasaan pelajar terhadap bahasa ini sangatlah penting. Selain itu, kemahiran dalam Bahasa Inggeris juga membantu para graduan untuk berdakwah kepada mereka yang tidak tahu berbahasa Melayu.

4.4.2) Kursus Sekolah

Bahagian kedua pula ialah Kursus Sekolah. Matapelajaran yang ditawarkan adalah berbeza mengikut sekolah pengajian. Bagi para pelajar Sekolah Pengajian Islam, matapelajaran yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Tafsir
2. Ulum Quran I
3. Hadith
4. Ulum Hadith I

⁶ Faisal Othman (1992), Pendidikan Islam: Konsep dan Realiti, dalam *Pendidikan Islam Malaysia*. disunting oleh Ismail Ab. Rahman, Bangi: Penerbit UKM, h 27.

5. Fiqh II
6. Usul Fiqh
7. Aqidah II
8. Mantiq
9. Mutalaah dan Ta'bir
10. Nahu dan Saraf II
11. Balaghah
12. Kursus Elektif
13. Aplikasi Komputer⁷


Matapelajaran-matapelajaran di atas lebih menekankan kepada perkara yang berkaitan dengan Pengajian Islam. Ini sesuai dengan kategorinya sebagai kursus Sekolah Pengajian Islam. Di bawah kursus elektif, para pelajar dikehendaki memilih dua matapelajaran daripada 27 matapelajaran yang disediakan⁸.

Dengan adanya kursus elektif ini, sedikit sebanyak ia dapat membantu pelajar meluaskan pengetahuan dalam bidang-bidang yang lain. Hasil soalselidik yang dijalankan kepada pensyarah, didapati mereka semua bersetuju bahawa matapelajaran elektif amat membantu pelajar menjadi graduan yang lebih berkualiti.

⁷ Opcit, h.58.

⁸ Rujuk kepada h. 117-128..

Rajah 4.13: Peratusan Pensyarah Berdasarkan Pandangan Mereka Terhadap Kursus Elektif



Sumber : Soalselidik Para Pensyarah Syariah, KUSZA 2002/2003

Selain itu, para pelajar turut diajar tentang aplikasi komputer. Walau bagaimanapun, hasil daripada soalselidik ini, didapati ramai pelajar yang tidak berpuashati dengan kemudahan makmal komputer di KUSZA. Mereka berpendapat kemudahan tersebut perlu dipertingkatkan lagi⁹.

4.5.3) Kursus Program

Kursus ini adalah kursus wajib yang ditetapkan oleh pihak KUSZA kepada pelajar-pelajar Syariah. Matapelajarannya berbeza mengikut pengkhususan yang

⁹ Rujuk lampiran (Borang Soalselidik Pelajar Pengajian Islam (Syariah) KUSZA)

dipilih oleh pelajar. Bagi pelajar-pelajar Diploma Pengajian Islam (Syariah), matapelajaran yang ditawarkan ialah:

1. Ayat Ahkām
2. Tārikh Tasyri⁹
3. Mabādi' al-Qānun
4. Farāidh
5. Ahadith Ahkām
6. Qawā'id Fiqhiyyah
7. Fiqh Muqāran
8. Kertas Projek¹⁰

Matapelajaran yang berjumlah 23 jam kredit ini merupakan matapelajaran pengkhususan bagi program Syariah. Matapelajaran Kertas Projek juga diajar kepada para pelajar bagi melatih mereka melakukan penyelidikan ilmiah dengan kaedah dan teknik yang betul.

4.6) PENILAIAN TERHADAP KITAB-KITAB ATAU TEKS PENGAJIAN

Untuk melengkapkan lagi kajian ini, penulis telah mengemukakan soalan berkaitan dengan kitab-kitab yang digunakan sebagai teks pengajian. Di antara kitab-kitab yang dikenalpasti ialah:

1)Abdul Karim al-Zaydān ,(t.t), *Al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh*.

⁹ Prospektus Sekolah Pengajian Islam(2002),h.70.

- 2)Mustafā Muhammād al-Jammal (1972), *Mabādi' al-Qānūn*, Al-Iskandariyyah: Matba'at al-Sha'ir.
- 3)Muhammad Bin Idris al-Syāfi'ī (820-767H), *Al-U'mm*, Al-Qahirah: Maktabat al-Kulliyat al-Azhār.
- 4)Wahbah al-Zuhaily (Dr) (1989), *Al-Fiqh al-Islāmi Wa Adillatuhu*, Damsyik, Dār al-Fikr.
- 5)Abd. Al-Rahman al-Jazir (1928), *Al-Fiqh `alā al-Madhāhib al-Arba`ah*, Al-Qahirah: Matba'ah Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- 6)Abu Bakr Ibn Muhammad al-Hisni al-Husayni (1351-1426M), *Kifāyat al-Akhya'r*, Surabaya: PT Bina Ilmu.
- 7)`Amir `Abd al-'Aziz (1997), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Al-Qahirah: Dār al-Salām.
- 8)`Abd al-Karim al-'Uthmān, *al-Niẓām al-Siyāsi fi al-Islām*, Beirut: Dār al-Irsyād.¹¹

Berdasarkan kepada senarai di atas, didapati kitab-kitab yang digunakan amat bersesuaian dengan kursus yang ditawarkan. Terdapat juga sesetengah pensyarah yang menggunakan silibus dan kitab yang dipelajari di Universiti al-Azhar. Dengan cara ini, para pelajar yang akan menyambung pengajian di sana akan dibiasakan dengan corak pengajian Universiti al-Azhar. Walau bagaimanapun, pensyarah perlulah menyesuaikan silibus tersebut dengan realiti di Malaysia.

¹¹ Hasil soalselidik pensyarah DPI (Syariah) KUSZA 2002/2003.

4.7) PENUTUP

Analisis data yang telah dilakukan banyak membantu penulis untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkara-perkara yang menjadi fokus dalam kajian ini. Perkara-perkara yang menjadi fokus penulis dipilih berdasarkan kepada kepentingannya dalam penyelidikan ini.

Analisis data berkaitan pelajar menunjukkan bahawa tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar ini berada di tahap yang agak memuaskan. Walau bagaimanapun, mereka perlu meningkatkan lagi pencapaian akademik supaya lebih cemerlang.

Para pensyarah Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA mempunyai kaedah pengajaran yang boleh dibanggakan. Mereka tidak hanya terikat dengan kaedah syarahan yang lebih banyak digunakan dalam pengajian Islam tradisional. Walaupun kaedah syarahan tidak boleh dinafikan kepentingannya, tetapi dengan menggunakan juga kaedah-kaedah lain, proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan.

Dari segi sukatan pelajaran, KUSZA telah menyediakan sukanan yang baik dengan menawarkan kursus-kursus elektif, ko-kurikulum dan kursus kolej yang wajib diambil oleh pelajar. Dengan ini, pelajar Syariah juga boleh memahami ilmu-ilmu lain yang di luar bidang pengkhususan mereka.

Hasil penilaian terhadap kitab-kitab atau teks pengajian, didapati pensyarah-pensyarah KUSZA menggunakan teks yang berkualiti. Mereka menggabungkan di antara teks-teks klasik dan juga kontemporari.

Dengan ini, diharapkan metodologi pengajian Syariah di KUSZA akan terus berkembang dan sentiasa relevan dengan keadaan semasa. Metodologi pengajian yang telah dikaji keberkesanannya akan melahirkan graduan yang berkualiti.